

PM lancar pertandingan akhir BN Youth Music Festival hari ini
Utusan Online
04 Mac, 2012

KUALA LUMPUR 3 Mac – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan melancarkan pertandingan akhir BN Youth Music Festival esok, yang bakal menyaksikan 12 peserta terbaik berentap merebut gelaran juara pada acara itu.

Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN), Khairy Jamaluddin berkata, acara selama dua hari yang bermula pada hari ini bakal menyaksikan juara bagi tiga kategori membawa pulang hadiah antara RM10,000 dan RM50,000 selain peluang membuat rakaman lagu dengan syarikat Universal Music Malaysia.

“Daripada lebih 1,000 penyertaan, 60 peserta telah dipilih untuk ke pusingan separuh akhir sebelum seramai 12 peserta terbaik akan dipilih untuk ke pusingan akhir esok,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

BN Youth Music Festival anjuran Pemuda BN itu merupakan pertandingan muzik secara online yang julung kali diadakan khusus untuk generasi muda berusia dari 16 hingga 40 tahun tanpa mengira bangsa, latar belakang atau genre muzik.

Khairy berkata, para peserta yang memasuki pertandingan itu sebelum ini telah memuat naik video persembahan mereka selama enam minit untuk dinilai oleh para juri profesional di laman web www.bnyouthmusic.com.

Katanya, kemuncak pertandingan itu adalah pada hari ini iaitu pada pusingan separuh akhir yang bermula dari 10 pagi hingga 10 malam manakala peringkat akhir pula akan diadakan esok bermula 4 petang hingga 7 malam di Piazza, The Curve, Mutiara Damansara dekat sini.

“Harapan kami supaya pertandingan ini dapat memberi pendedahan dan peluang kepada anak-anak muda untuk mengasah serta menonjolkan bakat mereka.

“Di samping itu, pertandingan ini juga diharapkan dapat menyatupadukan anak-anak muda daripada pelbagai bangsa dan agama selain melahirkan nilai inspirasi 1Malaysia di kalangan generasi muda,” katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0304&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_07.htm